



Ruj. Kami: KP(BTP-PENT)S/8800/50/26 Jld 8 (67)  
Tarikh: 8 Jun 2017 / 13 Ramadhan 1438H

Semua Pengarah  
Jabatan Pendidikan Negeri

YBhg Dato' / Datuk / Tuan / Puan,

### **MAKLUMAN PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) PENGURUSAN PERANTI YES ALTITUDE**

---

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa bahagian ini bersama pihak YTL Communications Sdn. Bhd. telah menyediakan SOP pengurusan peranti YES Altitude, bertujuan sebagai rujukan dalam membantu Bahagian KPM, JPN, PPD dan sekolah melancarkan pelaksanaan projek Pelan Data Guru di sekolah-sekolah KPM yang terlibat. SOP ini telah melalui beberapa proses perincian dan pemurnian yang berpandukan Perjanjian Kontrak Perkhidmatan 1BestariNet Fasa 2 (KPM/41/2016/06/0001). Dokumen SOP tersebut dan borang-borang yang berkaitan boleh didapati melalui pautan berikut:

**<http://goo.gl/S01nZW>**

3. Sehubungan itu, besarlah harapan kami sekiranya perkara ini dapat dimaklumkan kepada sekolah-sekolah yang terlibat. Dokumen ini adalah sesuai untuk digunakan pada masa ini dan sebarang perubahan dan penambahbaikan akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

4. Bagi memastikan kelancaran proses operasi dan urus tadbir pembekalan mahupun penamatan perkhidmatan Pelan Data Guru ini, dimohon kerjasama dan jasa baik pihak Jabatan Pendidikan Negeri jua untuk melengkapkan Borang *Service Order* secara atas talian berdasarkan permohonan guru yang **telah diperakukan** melalui pautan seperti berikut:

**<https://sekolahmayakpm.1bestarinet.net/teacherdataplan>**

5. Untuk maklumat lanjut, YBhg Dato' / Datuk / tuan / puan dimohon menghubungi **Puan Maimunah Mohd Tahir** (03-20818060 / [maimunah@moe.gov.my](mailto:maimunah@moe.gov.my)) atau **Encik Shazril Helmi Samsudin** (03-20817780 / [shazril@moe.gov.my](mailto:shazril@moe.gov.my)). Di atas kerjasama dan perhatian YBhg Dato' / Datuk / tuan / puan berkenaan perkara ini, saya dahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"SEHATI, SEJIWA"  
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,



**(ZAIDI BIN YAZID)**  
Pengarah  
Bahagian Teknologi Pendidikan  
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k.

- 1) Semua Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri